

Sekolah agama prestasi tinggi

Siner

041

021

2010

M/S

SHAH ALAM – Kolej Islam Sultan Alam Shah (Kisas), Klang adalah sekolah agama pertama yang menerima Anugerah Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) dari 20 sekolah lain yang menerima anugerah sama.

Penolong Kanannya, Haznah Hamzah berkata, penerimaan anugerah itu menunjukkan sekolah jenis agama juga mempunyai peluang untuk menjadi contoh kepada sekolah lain terutama bidang pendidikan serta sahsiah pelajar.

Menurutnya, kelebihan sekolah ini yang juga pernah diiktiraf sebagai Sekolah Kluster adalah sentiasa memberikan didikan kepada kakitangan serta pelajar untuk menyiapkan sesuatu kerja dengan segera.

“Jika semua bahan disediakan dengan segera, justeru program yang mengejut pun akan berjalan dengan lancar tanpa ada sebarang masalah kerana persiapan awal telah dilakukan.

“Misalnya untuk pameran semasa anugerah SBT lalu di Sekolah Menengah Kebangsaan Aminuddin Baki, segala persiapan pameran telah disiapkan oleh guru-guru dan saya sendiri supaya memastikan kandungan pameran memenuhi spesifikasi yang diperlukan.

Beliau berkata, sekolah berkenaan juga mempunyai guru-guru yang pernah memperoleh anugerah Guru Cemerlang



● HAZNAH HAMZAH

iaitu seramai 13 guru. 529
“Hal ini membuktikan bahawa sekolah ini juga berpotensi melahirkan guru-guru serta pelajar-pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik serta kokurikulum.

“Terdapat juga guru di sini telah berkhidmat lebih 23 tahun dan masih mengajar di sekolah ini disebabkan prestasi sekolah yang selalu meningkat dari tahun ke tahun,”

katanya.

Haznah berkata, antara anugerah yang pernah di peroleh pihak sekolah adalah Anugerah Sekolah Kluster Kohort 1 (2007), Anugerah Cemerlang PKPSM: Pencapaian Terbaik SPM dan STPM (2007-2009), Anugerah Khas 100 peratus 1A/2A untuk mata pelajaran Pendidikan Al-Quran & As-sunnah dan Sains (2008) dan Sijil Penghargaan Jabatan Pelajaran Negeri Selangor: Pencapaian Cemerlang SPM 2008.

“Bagi anugerah kokurikulum yang pernah diperolehi adalah seperti Johan Pertandingan Debat Bahasa Arab anjuran Universiti Sains Islam Malaysia (USIM): 2009, Anugerah Khas Australian Mathematics Competition, Anugerah Khas UNESCO Mondialogo School Contest dan Johan Kalimah Sobah Peringkat Kebangsaan (2009).

“Anugerah yang diterima ini menunjukkan pencapaian dalam kedua bidang baik bidang akademik dan kokurikulum,” katanya.



CALON GURU

Calon guru membaca ikrar mereka pada Majlis Perasmian Minggu Pengurusan Pelajar Baru Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) Ambilan Januari 2010 di Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Ilmu Khas. Pada majlis berkenaan, seramai 1,473 calon daripada kira-kira 60,000 permohonan graduan di seluruh negara.